

P. Moral
MODUL
GERBANG
CEMERLANG
2½ Jam

NAMA : -----

TINGKATAN : -----

SET MODUL SENTUHAN AKHIR
PENNDIDIKAN MORAL
TINGKATAN 5

PENDIDIKAN MORAL
Dua Jam Tiga Puluh Minit

SET 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

7. Kertas soalan ini mengandungi **Tiga** bahagian: **Bahagia A, Bahagian B** dan **Bahagian C**.

8. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, **satu** soalan dalam Bahagian B dan **semua** soalan dalam Bahagian C.

9. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan pada kertas soalan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
BAHAGIAN	SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
B	6	10	
	7	10	
C	8 (a)	10	
	8 (b)	10	
	9 (a)	10	
	9 (b)	10	
JUMLAH (100)			

Disediakan oleh
PANEL PERUNDING MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL
NEGERI JOHOR

1. Dalam membuat sesuatu keputusan, kita selalu menggunakan sama ada prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan untuk menyelesaikan sesuatu dilema moral

- (a) Huraikan **contoh** prinsip keadilan [2m]

Beri hukuman .Tidak kira sosioekonomi

Pernyataan yang berikut menerangkan tentang hukuman ringan dijatuhkan dalam satu kes buli yang menyebabkan kematian

Sekumpulan remaja membuli seorang remaja lain sehingga menyebabkan kematian. Mereka dijatuhkan hukuman ringan kerana berusia di bawah 18 tahun.

- (b) Setujukah anda dengan hukuman ringan dijatuhkan kepada remaja yang berusia di bawah 18 tahun ? Jelaskan. [3m]

Setuju. Hal ini kerana umur muda. Boleh berubah lagi. Tidak fikir dengan baik.

Tidak setuju. Hal ini kerana buli boleh buat orang mati. Patut beri hukuman berat. Supaya sedar kesalahan mereka.

- (c) Jenayah buli dalam kalangan remaja semakin berleluasa dalam masyarakat hari ini. Ramalkan kesan sekiranya jenayah buli ini semakin berleluasa dalam masyarakat. [3m]

Kesan ialah remaja akan suka buli lagi. Imej diri terjejas. Mangsa buli cedera / mati.

- (d) Huraikan kepentingan pihak berkuasa dalam membanteras jenayah buli dalam kalangan remaja berlandaskan [2m]

- i Prinsip keadilan :

Tiada gangguan daripada orang lain

- ii Prinsip keprihatinan :

Mengelakkan diri daripada menjadi mangsa buli

2. Jadual di bawah berkaitan dengan pertubuhan antarabangsa yang ditubuhkan untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran dunia.

- **Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)**
- **Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)**
- **Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)**

- (a) Nyatakan usaha yang dijalankan oleh pertubuhan di atas untuk meningkatkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat global.

[4m]

Menyelesaikan masalah secara rundingan tanpa peperangan

Mengadakan mesyuarat antara pemimpin dalam menyelesaikan isu global

Melindungi negara anggota daripada ditindas oleh kuasa besar

Tiada campur tangan dalam undang-undang negara lain

- (b) Huraikan kepentingan kerjasama Malaysia dengan PBB.

[4m]

Kepentingan dalam pendidikan. Dapat tingkatkan taraf pendidikan ke peringkat dunia.

Kepentingan dalam sains dan teknologi. Dapat tukar teknologi negara dengan negara luar.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- (c) Nyatakan negara yang memiliki hubungan dua hala dengan Malaysia.

[2m]

i Indonesia

ii China

3. Perhatikan gambar di bawah yang menunjukkan perubahan norma masyarakat dalam aktiviti permainan tradisional dan sekarang.



- (a) Norma masyarakat sangat penting pada masa kini.

Definisikan **maksud** norma masyarakat.

[2m]

Maksud norma masyarakat ialah tindakan yang diterima dalam komuniti

- (b) Nyatakan **dua contoh** permainan tradisional lain yang dimainkan oleh kanak-kanak.

[2m]

Yoyo Cina dan wau

- (c) Adakah perubahan aktiviti di atas sesuai dengan norma kehidupan masyarakat kini. Huraikan jawapan anda.

[4m]

Sesuai. Hal ini kerana ruang tempat bermain yang terhad. Permainan atas talian memerlukan ruang yang terhad sahaja. Arus pemodenan terkini.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ATAU

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Tidak sesuai. Hal ini kerana permainan tradisional ialah warisan budaya. harus dikekalkan supaya tidak pupus. Masih boleh dimainkan di taman permainan.

- (d) Norma masyarakat amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup dan memberikan kebaikan kepada semua anggota dalam sesebuah masyarakat.

Bincangkan kepentingan norma masyarakat yang sepatutnya kita amalkan.

[2m]

Kepentingannya ialah warisan tradisi sdapat dikekalkan dan tradisi tidak akan pupus.

4. Teliti rajah di bawah.



Rajah di atas menunjukkan perkara yang melibatkan pengurusan kewangan yang perlu diambil berat oleh masyarakat bagi menjamin masa hadapan.

- (a) Gaji dan simpanan adalah salah satu sumber kewangan utama yang boleh diperolehi masyarakat.

Nyatakan sumber kewangan lain yang juga boleh menjamin masa depan ?

[2m]

- i sewa
- ii bonus

- (b) Pelbagai cara yang boleh digunakan untuk mencapai kedudukan kewangan yang kukuh.

Cadangkan cara mengurus kewangan yang beretika kepada golongan anak muda untuk mencapai kedudukan kewangan yang stabil

[3m]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- i Ada aset rumah
- ii Buat simpanan
- iii Konsisten bayar pinjaman

(c)

Hasil daripada sikap disiplin yang tinggi terhadap pengurusan kewangan mampu mendatangkan banyak kebaikan.

Jelaskan kepentingan pengurusan kewangan yang beretika bagi pengguna bijak.

[5m]

Kepentingan ialah masa depan yang terurus. Hal ini kerana ada harta. Dapat elak daripada di tipu. Dapat buat tinjauan sebelum buat urus niaga.

- 5 Pernyataan di bawah adalah konsep individu berkeperibadian mulia.

- Pembentukan modal insan yang berkeperibadian mulia memerlukan penghayatan nilai murni dan perkembangan dari segi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.
- Keperibadian mulia adalah sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan ciri-ciri individu yang berkeperibadian mulia. [2m]

- (b) **Wajarkah** lelaki berbaju merah berprasangka buruk terhadap lelaki berbaju biru tersebut ? Bincangkan. [3m]

Tidak wajar. Hal ini kerana lelaki baju biru itu mungkin OKU. Mungkin dia juga perlukan bantuan

- i Ikhlas
ii Sabar

Gambar menunjukkan situasi bantuan diberikan kepada orang tua untuk melintas jalan raya.



Memberikan kritikan tanpa usul periksa merupakan tindakan tidak berkeperibadian mulia yang semakin menular dalam kalangan remaja.

- (c) Bincangkan **komen anda** berdasarkan pernyataan di atas. [5m]

Komen saya ialah beri kritikan tanpa usul periksa adalah tindakan yang tidak bermoral. Hal ini kerana boleh berlaku salah faham. Boleh buat orang sedih. Oleh itu, remaja harus sabar dan belajar nilai moral.

Bahagian B [10 markah]

Jawab mana-mana **satu** soalan dalam bahagian ini.

6. Gambar di bawah menunjukkan suasana di meja makan.



Lily dan Peter sering bermain gajet elektronik di meja makan. **Apakah perasaan anda** selepas melihat suasana di atas ? **Justifikasikan** [10m]

Sedih. Hal ini kerana anak-anak bermain telefon semasa makan makanan. Mereka tidak berkomunikasi. Oleh itu, anak-anak perlu mematuhi adab di meja makan. Contohnya, simpan telefon dan tidak bermain semasa makan. Kesannya, norma masyarakat dapat diwarisi dalam keluarga.

Selain itu, ini akan menyebabkan hubungan tidak erat. Anak-anak yang tidak berkomunikasi dengan ibu bapa. Anak-anak perlu memupuk perhatian untuk makan bersama-sama ibu bapa. Anak-anak mesti menghormati ahli keluarga semasa makan. Kesannya, hubungan yang rapat dibina dengan baik.

Seterusnya, ibu bapa juga perlu menetapkan peraturan semasa makan. Sebagai contohnya, anak-anak tidak boleh membawa telefon ke meja makan. Hal ini untuk mengelakkan anak-anak bermain telefon sehingga tidak makan makanan atau tidak berkomunikasi dengan ibu bapa. Jadi, amalan norma masyarakat berkeluarga sangat dituntut.

- 7 Gambar di bawah memaparkan kejayaan pelajar-pelajar Malaysia memartabatkan seni budaya Malaysia di peringkat Antarabangsa



Pelajar-pelajar berkenaan telah terpilih mewakili Malaysia untuk mengikuti Festival Seni Tari Sedunia Cheonan iaitu antara 10 festival terbaik dunia dan menjadi acara tahunan yang dianjurkan Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Korea Selatan yang melibatkan lebih 5,500 peserta dari dalam dan luar negara.

Pasukan Malaysia mempersembahkan tujuh tarian termasuklah 'tarian tempurung', 'inang lenggang kangkung', 'kukuda' dan 'joget lambung sayang' dengan pakaian tradisional berwarna-warni. Lebih membanggakan, persembahan pasukan Malaysia di peringkat akhir pertandingan telah disaksikan ribuan penonton di bandar raya Cheonan di samping disiarkan secara langsung melalui televisyen di negara tersebut.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesenian dan budaya kebiasaannya hanyalah sebagai hobi sahaja. Namun, kegiatan seni dan budaya seperti di atas sebenarnya boleh dijadikan sebagai sebuah kerjaya. Cerakinkan jawapan anda.

(10 m)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

kegiatan seni dan budaya seperti di atas sebenarnya boleh dijadikan sebagai sebuah kerjaya. Hal ini kerana pelajar sudah lupa amalkan seni dan budaya mereka. Seni dan budaya tempatan terpengaruh dengan budaya luar. Maka, pelajar harus memelihara seni dan budaya. Hal ini supaya tidak pupus. Dapat kekalkan seni dan budaya.

Seterusnya, seni dan budaya terus diamalkan dalam kehidupan. Masyarakat juga harus sebar maklumat seni dan budaya pelbagai kaum. Hal ini dengan promosikan kepada pelancong asing dengan media sosial.

Masyarakat juga, boleh adakan pameran untuk mendedahkan maklumat tentang kesenian dan kebudayaan. Seterusnya, adakan ceramah untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan seni dan budaya.

Bahagian C [40 markah]
Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

8. Kebelakangan ini, segelintir golongan muda didapati lebih mengutamakan budaya hedonisme

- Hedonisme ialah pegangan atau pandangan yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup sahaja.
- Contoh budaya hedonisme yang dilakukan oleh golongan muda adalah seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, dan berpelesira sehingga lewat malam

- a. Berdasarkan pernyataan diatas, jelaskan mengapakah golongan muda kini mengutamakan budaya hedonisme. [10m]

Petikan di atas menunjukkan isu golongan muda kini yang mengutamakan budaya hedonisme

Golongan muda kini mengutamakan budaya hedonisme, hal ini kerana hedonisme adalah pegangan hidup yang mementingkan kesenangan hiburan semata-mata. Tidak fikirkan keagamaan. Mementingkan gaya hidup yang seronok. Hiburan yang melampau. Hedonisme sebagai matlamat utama. Selain itu, golongan muda mementingkan kepuasan fizikal. Mereka melanggar batasan budaya tradisi. Mereka mendapat pendedahan yang meluas tentang hedonisme. Teknologi maklumat yang canggih menjadikan budaya hedonisme senang menular. mempengaruhi mentaliti golongan muda. Golongan muda dipengaruhi media massa. Jati diri yang lemah. Tiada identiti diri. Mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme

Kesimpulannya, golongan muda seharusnya prihatin tentang hedonisme supaya identiti diri tidak hilang.

- (b) Dialog di bawah merupakan perbualan antara Andy dengan rakan baiknya

Cheng: Saya dengar awak mahu membeli telefon baharu yang mahal itu. Betul ke?

Andy: Ya, betul. Saya malu kerana telefon saya ini sudah ketinggalan zaman. Saya akan membeli telefon jenama itu kerana mengikut trend sekarang

Cheng: Tetapi, telefon kamu itu masih dalam keadaan baik sahaja Emmmmmm.....

Andy, awak fikir ia dengan baik sebelum membeli kerana telefon bimbit itu sangat mahal dan awak baru sahaja mendapat gaji yang pertama.

Pada pandangan anda, **Wajarkah** tindakan Jonnes yang ingin menukar telefon bimbitnya kepada yang baharu? Huraikan **implikasi** yang akan dihadapi oleh masyarakat sekiranya pengurusan perbelanjaan tidak diuruskan dengan baik seperti Jonnes . Justifikasikan hujah anda. (10 m)

Dialog di atas menunjukkan perbualan antara Andy dengan rakan baiknya tentang pembelian telefon bimbit.

Tidak wajar. Implikasi yang akan dihadapi oleh masyarakat sekiranya pengurusan perbelanjaan tidak diuruskan dengan baik seperti Jonnes ialah akan meningkatkan bebanan ibu bapa. Hal ini kerana mereka beli telefon mahal guna wang ibu bapa. Beli telefon sebagai Trend baru. Implikasi lain ialah meningkatkan kadar muflis. Contohnya, Iphone 13 pro yang berharga RM4899. Harga yang sangat mahal iaitu dua bulan gaji ibu bapa. keluarga akan jadi dalam kumpulan muflis. Implikasi lain, masyarakat akan membuat pinjaman. Hal ini kerana mahu beli barang yang moden dan mahu tunjuk kepada orang lain. Contohnya, mereka mahu membeli bag yang jenama seperti Chanel, Dior, Louis Vuitton dan sebagainya. Hal ini kerana mereka mahu ikut kehendak mereka sahaja tanpa fikir keperluan. Implikasi lain, wujud komuniti boros. Hal ini menyebabkan mereka ada hutang yang tinggi. Seterusnya, melahirkan individu materialistik.

Kesimpulannya, semua pihak seharusnya berkerjasama dalam pengurusan kewangan agar pengurusan kewangan tidak terjejas.

- 9 Gambar di bawah merujuk kepada pembangunan di Malaysia.



Malaysia di kedudukan kedua dalam kalangan negara-negara Asia Pasifik dan ke-16 daripada 169 negara untuk hubungan global berdasarkan aliran perdagangan antarabangsa, modal, maklumat dan orang ramai. - Gambar fail

Sumber : Astro awani

- (a) Berdasarkan situasi di atas, bincangkan kepentingan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar dari segi politik, ekonomi serta sains dan teknologi. Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

(10 markah)

Gambar rajah di atas menunjukkan pembangunan di Malaysia dan kedudukan kedua dalam kalangan negara-negara Asia Pasifik dan ke-16 daripada 169 negara untuk hubungan global

Nilai universsal rasional. Nilai universal bertanggungjawab. Nilai universal toleransi. Nilai universal Kerjasama. Kepentingan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar dari segi politik, ekonomi serta sains dan teknologi ialah meningkatkan imej Negara. Banteras kegiatan jenayah. Dapat menambahkan pendapatan negara. Contohnya, kenderaan buatan negara ada terjual diluar negara. Dapat buka peluang pekerjaan kepada rakyat antara negara. Teknologi negara standing dengan negara luar. Contohnya pertukaran teknologi mesin. Meningkatkan bidang perubatan. Contohnya kongsi vaksin. Kemasukan pakar teknologi dari luar negara untuk memajukan Malaysia dalam pelbagai bidang.

Kesimpulannya, semua pihak seharusnya bekerjasama untuk membangunkan Negara agar Negara maju.

- (b) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan hubungan antarabangsa berdasarkan dimensi moral iaitu penaakulan, emosi dan perlakuan moral. (10 m)

Gambar rajah di atas menunjukkan pembangunan di Negara kita dengan negara-negara Asia Pasifik dan ke-16 daripada 169 negara untuk hubungan global berdasarkan dimensi moral.

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan hubungan antarabangsa berdasarkan dimensi moral iaitu penaakulan, emosi dan perlakuan moral adalah mengadakan kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan dengan semua negara di dunia ini. Contohnya, projek industri automotif antara KIA Motor dari Korea dengan NAZA Motor Malaysia. Negara kita tidak mencampuri urusan negara lain. Menghormati kepelbagaian agama dan budaya antara Negara. Membantu menyelesaikan konflik secara rundingan. Contohnya, isu Rohingya. Pemimpin negara mengadakan lawatan rasmi ke negara lain. Mengadakan mesyuarat jika negara kita berlaku krisis dengan negara lain. Sentiasa kekalkan persefahaman antara negara. Beri bantuan kepada negara mengalami kesusahan. Contohnya, Malaysia beri bantuan kemanusiaan makanan ke Palestin. Hal ini melahirkan masyarakat dalam Negara yang penyayang.

Kesimpulannya, semua pihak seharusnya bersama-sama mengekalkan hubungan antarabangsa untuk hubungan global.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

KERTAS JAWAPAN TAMAT